

SinarIslam

Amat penting untuk setiap wanita mengetahui hak dalam faraid dan mendepani cabaran urus harta keluarga.



Jodoh tidak datang bergolek

MS 20 & 21

sebagai contoh yang menunjukkan wanita dihargai dengan habuan faraid yang lebih untuk pemahaman seperti Jadual 2.

Jadual 2: Situasi kes yang menunjukkan wanita menerima faraid lebih besar berbanding waris lelaki

Kes 1		
Waris	Kadar Tetap	Saham
Anak perempuan	1/2	6/12
Suami	1/4	3/12

Wanita dihargai, faraid diwarisi

TANGGAL 8 Mac lalu memperlihatkan sambutan Hari Wanita Sedunia yang menuntut kesedaran hak terutama dalam mendepani cabaran kehidupan dunia pasca pandemik. Harapan dan sokongan kepada golongan wanita perlu diambil perhatian kerana mereka selalunya dilabel sebagai komuniti lemah.

Hak wanita melalui perundangan faraid dalam Islam telah dimartabatkan sebagaimana firman ALLAH SWT:

"Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh ALLAH". (Surah an-Nisa, ayat 7)

ZAHARI MAHAD MUSA
(Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM))

Islam membawa banyak perubahan terutama berkaitan bentuk pewarisan yang diamal oleh masyarakat Arab Jahiliyyah. Kesannya satu sistem yang lebih tersusun dapat diperkenalkan. Pewarisan yang hanya diberikan kepada lelaki pada zaman Jahiliyyah telah dimansuhkan. Islam telah membawa perubahan dengan memberi hak kepada kedua-dua jantina untuk menjadi penerima harta pusaka si mati.

Perebutan harta pusaka tetap akan berlaku sama ada waris itu lelaki atau wanita. Namun dengan kefahaman jitu mampu menyelamatkan konflik urusan

harta keluarga si mati. Justeru, wanita perlu sedar akan hak dalam faraid dan bersedia mendepani cabaran mengurus harta keluarga.

Tiada beza jantina

Semua prosedur asas berkaitan faraid iaitu wujudnya rukun, syarat, sebab dan ketiadaan penghalang terpakai kepada lelaki dan wanita. Sebagai contoh dalam syarat sesuatu agihan faraid tidak diletakkan jantina sebagai asas untuk pembahagian harta pusaka Islam.

Peraturan yang hanya diletakkan berkaitan syarat faraid ialah kematian pewaris, hidupnya waris dan mengetahui sebab hubungan serta tiada halangan pewarisan. Jadi, mana-mana waris yang dipastikan hidup layak untuk menerima harta pusaka. Perbezaan jantina bukan syarat menerima faraid.

Dari aspek lain, perbincangan berkenaan penghalang faraid juga terpakai kepada kedua-dua jantina. Salah satu contoh penghalang faraid ialah tindakan membunuh menyebabkan pembunuhan tidak mendapat harta pusaka mangsa yang mempunyai hubungan sebab pewarisan dengan pembunuh tersebut. Isteri yang membunuh suaminya akan dihalang untuk memperoleh harta pusaka suaminya yang meninggal dunia sama keadaannya seperti suami yang membunuh isterinya.

Kelompok majoriti waris Ashab al-Furud

Dalam hierarki agihan harta pusaka Islam, *waris ashab al-furud* merupakan penerima utama yang perlu disenaraikan apabila berlaku kematian dalam sesebuah keluarga muslim. *Waris ashab al-furud* ialah ahli-ahli waris yang telah ditetapkan bahagian mereka dalam pembahagian pusaka menurut al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak. Mereka terdiri

daripada 12 orang waris (Jadual 1).

Jadual 1: Senarai Waris Faraid yang Layak

Waris Lelaki

1. Bapa
2. Datuk yang sah
3. Saudara lelaki seibu
4. Suami

Waris Perempuan

1. Anak perempuan
2. Anak perempuan kepada anak lelaki (cucu) kebawah
3. Ibu
4. Nenek yang sah
5. Saudara perempuan seibu sebapa
6. Saudara perempuan seibu
7. Saudara perempuan sebapa
8. Isteri

Menariknya, wanita merupakan waris paling dominan dalam senarai *waris ashab al-furud*. Martabat wanita dalam perundangan faraid dihargai dengan penentuan pecahan yang tetap disebabkan berhubung dengan si mati atas hubungan nasab keluarga atau perkahwinan. Isteri adalah waris yang dijamin mendapat harta pusaka suaminya yang meninggal dunia atas hubungan perkahwinan.

Manakala tujuh yang lain merupakan wanita yang ada nasab keluarga dengan si mati iaitu anak perempuan, anak perempuan kepada anak lelaki (cucu) kebawah, ibu, nenek yang sah, saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa dan saudara perempuan seibu. Kesemua lapan wanita tersebut ditentukan bahagian faraid mengikut situasi masing-masing dan layak mendapat harta pusaka selagi tidak dihalangi oleh waris yang lebih kuat.

Habuan yang lebih dalam setengah pengiraan

Dalam beberapa situasi pengiraan, wanita mendapat bahagian faraid melebihi waris lelaki yang wujud dalam kes faraid tersebut. Sekali lagi martabat wanita diraikan dalam Islam yang menunjukkan bahawa tidak semua situasi wanita mendapat bahagian yang sedikit dalam faraid. Sekadar menyebut tiga kes

Bapa	1/6 + 'asabah	3/12
Jumlah		12/12

Kes 2		
Waris	Kadar Tetap	Saham
Anak perempuan	1/2	2/4
Suami	1/4	1/4
Saudara lelaki seibu sebapa	'asabah	1/4
Jumlah		4/4

Kes 3		
Waris	Kadar Tetap	Saham
2 Anak perempuan	2/3	4/6 (2/6 seorang)
Ibu	1/6	1/6
Bapa	1/6 + 'asabah	1/6
Jumlah		6/6

Dalam ketiga-tiga kes ini, waris wanita yang diwakili oleh anak perempuan memperoleh bahagian faraid yang banyak berbanding waris lelaki. Anak perempuan dalam kes pertama memperoleh 1/2 (menyamai 6/12) daripada si mati iaitu ibunya yang meninggal dunia.

Bahagian ini merupakan nilai yang banyak berbanding waris lain dalam kes tersebut iaitu suami dan bapa. Dalam kes kedua, anak perempuan memperoleh sebanyak 1/2 (menyamai 2/4) iaitu bahagian yang banyak berbanding suami dan saudara lelaki seibu sebapa. Anak-anak perempuan dalam kes ketiga juga memperoleh bahagian yang banyak berbanding bapa si mati iaitu berpangkat datuk kepada mereka.

Ibu dalam kes ketiga memperoleh bahagian sama dengan bapa iaitu sebanyak 1/6 sahaja. Ini menunjukkan wanita punya hak sama rata dengan waris lelaki yang lain.